

FSSA UMS teroka peluang kerjasama bidang pendidikan, penyelidikan di Jepun

UB 09.02.2023 P.03

KOTA KINABALU: Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) meneroka peluang perancangan strategik baharu antara UMS dan Jepun khususnya dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

Dekan FSSA UMS Prof. Dr. Jualang Azlan Gansau berkata, rangkaian kerjasama itu merangkumi pihak industri dan komuniti.

“Perkara ini adalah antara inti perbincangan ketika kunjungan hormat Konsulat Jepun Shiho Kako (kaunselor) dan Eguichi Takayoshi (Setiausaha 2) di FSSA pada awal bulan ini.

“Pihak FSSA turut memberi perkongsian beberapa kerjasama dan aktiviti yang sedang dijalankan bersama universiti-universiti di Jepun iaitu Kagoshima University dan Rakuno Gakuen University untuk program ‘Exchange Student and Visit of Research Counterpart To UMS’,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, turut dibincangkan pada pertemuan itu ialah peranan UMS dalam mencapai Matlamat Pemban-



BINCANG: Sesi perbincangan dua hala diadakan di Pejabat Dekan FSSA.

gunaan Mampan (SDG).

“Kita juga memaklumkan kerjasama UMS-Jepun dalam bidang penyelidikan berkaitan dengan gempa bumi dan bencana tsunami.

“Dalam pertemuan ini, pihak Konsulat Jepun menyambut baik hasrat fakulti dan amat mengalu-alukan pemerkasaan hubungan kerjasama UMS dengan universiti-universiti di negara matahari terbit itu termasuk kerjasama dengan sekolah-sekolah menengah,” katanya.

Hadir sama Timbalan Dekan (Akademik dan

Antarabangsa) FSSA Prof. Madya Dr. Darmesah Gabda; Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Madya Dr. Rodeano Roslee; dan Timbalan Dekan (Hal - Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Chee Fuei Pien.

Turut hadir, Pengarah Pusat Penyelidikan Pulau-Pulau Kecil FSSA Dr. Farrah Anis Fazliatul Adnan; Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam Prof. Madya Dr. Carolyn Melissa Payus; Prof. Dr. Ho Chong Mun; dan Ketua Pentadbiran FSSA Aidah Noordin.



KENANGAN: Jualang (empat kanan) dan ahli-ahli FSSA bergambar bersama Shiho (lima kanan).